

DARI PAHANG



Banjir kilat landa Felda

Peneroka gugusan Felda Tersang anggap alami banjir terburuk sejak 30 tahun lalu

■ NORHAFAZAN ZULKIFLI

RAUB - "Sepanjang menetap di sini, belum pernah lagi rumah saya dinaiki air. Ini kali pertama berlaku dan ia amat mengejutkan kami sekeluarga."

Demikian luah seorang peneroka Felda Tersang 3, Harmah Ibrahim, 61, yang tidak menyangka rumahnya akan turut terjejas memandangkan ia adalah kejadian pertama sejak menduduki Felda tersebut pada 1986.

Kejadian banjir kilat yang melanda gugusan Felda Tersang, kelmarin dianggap sebagai sesuatu yang di luar jangkaan bagi penduduk tanah rancangan terbabit.

Rata-rata yang menjadi mangsa kejadian tersebut memberitahu, kejadian kali ini paling teruk melanda tanah rancangan itu selama lebih 30 tahun tanah rancangan ini diwujudkan.

Harmah berkata, beberapa rumah jiran turut terjejas, namun tiada penduduk Felda Tersang 3 yang dipindahkan ke pusat perpindahan.

Dalam pada itu,



sebanyak lima keluarga terdiri daripada 37 mangsa dari Felda Tersang 1 dipindahkan ke Dewan Dato Adnan sekitar jam 8 malam kelmarin.

Bertongkat pindah ke dewan

Mangsa, Abdul Hamid Saad, 62, berkata, rumahnya biasa dinaiki air setiap kali hujan lebat, namun tidaklah seperti yang berlaku malam kelmarin.

"Rumah saya memang dah biasa berlaku banjir kilat, tapi tak pernah selama saya duduk sini, kami sekeluarga kena pindah ke dewan.

"Ini kali pertama saya sekeluarga terpaksa bermalam di dalam dewan akibat banjir," katanya.

Menurutnya, hujan mulai lebat pada 7 malam kelmarin namun mereka sekeluarga tidak menesyaki apa-apa sehingga jam 7.45 malam air mula masuk ke dalam rumah.

"Ketika itu kami cuba selamatkan barangan rumah dengan meletakkannya di atas katil. Sekitar pukul 8 malam, kami

sekeluarga didatangi pasukan penyelamat yang menyuruh kami untuk berpindah ke dewan," katanya.

Hamid yang bertongkat kerana menghidap sakit strok bersama 11 lagi ahli keluarga dipindahkan ke dewan setelah mendapati air semakin tinggi.

"Air naik sampai paras pinggang saya. Barangan yang kami pindahkan ke atas katil pun terjejas sedangkan kalau banjir sebelum ini, air taklah setinggi itu," katanya.

Sementara itu, seorang ibu tunggal, Rohana Abdul Karim, 43, berkata, ketika kejadian dia dan anaknya tidak berada di rumah.

"Selepas Asar, saya dan anak pergi ke kedai, tapi secara tiba-tiba hujan mulai lebat dan kami terkandas di kedai tersebut dan tidak dapat balik ke rumah.

"Ketika itu saya lihat rumah pemilik kedai dah dinaiki air dan melahirkan rasa simpati kepada mereka, tapi tidak sangka rumah saya juga dinaiki air," katanya.

Tambahnya, ketika pulang ke rumah, dia terkejut melihatkan jiran sedang membantu memunggah barangan miliknya.

"Banyak barang yang timbul disebabkan dapur rumah ditenggelami air paras lutut.



Sebuah rumah penduduk Felda Tersang dinaiki air.

"Mujur ada jiran yang prihatin tolong pindahkan barangan ke tempat yang lebih selamat," katanya.

Peperiksaan SPM diteruskan

Dalam pada itu, kejadian banjir kilat yang melanda Felda Tersang turut menjejaskan dewan peperiksaan SPM Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) LKTP Tersang.

Bagaimanapun, kejadian terbabit tidak menjejaskan perjalanan peperiksaan kertas Sains dan Fizik bagi 85 calon SPM sekolah terbabit semalam.

Difahamkan kejadian banjir kilat itu mengakibatkan dewan tersebut ditenggelami air setinggi kira-kira 0.5 meter, sekitar jam 7.15 malam kelmarin.

Meskipun begitu, dengan usaha sama pelbagai pihak termasuk bomba dan penyelamat, dewan terbabit telah dibersihkan setelah air surut pada jam 10 malam kelmarin, sekali gus membolehkan dewan peperiksaan tersebut digunakan pagi semalam.

Kejadian terbabit turut menjejaskan hampir keseluruhan bangunan sekolah termasuk dewan bagi 48 calon peperiksaan STPM sekolah itu.

Pengarah Pendidikan Negeri, Datuk Rosdi Ismail mengesahkan kejadian dan memberitahu dewan peperiksaan boleh digunakan memandangkan air telah surut.

"Dewan peperiksaan sudah boleh



ROHANA

digunakan dan peperiksaan berjalan seperti biasa," katanya.

Tiga keluarga dipindahkan

Selain gugusan Felda Tersang, tiga keluarga Kampung Tersang turut dipindahkan berikutan kejadian banjir kilat yang melanda kampung itu.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintendent Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, tiga keluarga terdiri daripada 19 mangsa dipindahkan ke Balai Raya Kampung Tersang.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan mangsa terlibat dalam kejadian banjir kilat yang melanda gugusan Felda Tersang dan Kampung Tersang adalah 56 orang di mana sebanyak dua pusat pemindahan dibuka setakat 9 pagi tadi (semalam)," katanya.

Menurutnya, daripada 56 mangsa terbabit, 28 terdiri daripada orang dewasa, 21 kanak-kanak dan tujuh warga emas.

"Sebuah pusat pemindahan di Dewan Gerakan Persatuan Wanita (GPW) Felda Tersang 2 ditutup pada jam 6 pagi tadi (semalam)," katanya.



Lima keluarga penduduk Felda Tersang 1 dipindahkan ke Dewan Dato Adnan sekitar jam 8 malam, kelmarin.